

## NOTA MAKLUMAN AWAL

### MENGENAI KES KEBAKARAN LADANG KELAPA SAWIT FELCRA DARAT DATOK, BUKIT ANAK DARA, KIJAL, KEMAMAN, TERENGGANU. PADA 6 MEI 2016

#### TUJUAN

Nota Makluman ini adalah untuk memaklumkan hasil siasatan kes kebakaran Ladang Kelapa Sawit FELCRA Darat Datok, Bukit Anak Dara, Kijal, Kemaman, Terengganu yang dikesan oleh pihak bomba melalui aduan pekerja ladang FELCRA pada 6 Mei 2016

#### LATARBELAKANG

2. Kebakaran ini dikesan melalui pihak bomba hasil aduan pekerja ladang FELCRA kepada pihak bomba pada 6 Mei 2016. Walaubagaimanapun, pihak Jabatan Alam Sekitar Cawangan Kemaman hanya dimaklumkan berkenaan kebakaran tersebut pada 11 Mei 2016. Lokasi kebakaran ladang kelapa sawit ini adalah di kedudukan **long.: 103.4281500° dan Lat.: 4.3325833°**, yang mana **terletak** tengah ladang kelapa sawit dan tidak dapat dilihat melalui jalan utama. Kawasan ladang kelapa sawit yang terjejas adalah lebih kurang 23 Hektar. Luas keseluruhan ladang adalah 514 hektar.

#### PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

3. Daripada pemerhatian yang dilakukan, terdapat beberapa tempat yang berasap dengan agak ketara dan **jarak penempatan terdekat adalah 1.0 km iaitu rumah penduduk Kg. Bukit Anak Dara dan juga Sekolah Kebangsaan Bukit Anak Dara, Kijal, Kemaman, Terengganu (Rujuk Lampiran 1 rajah 1).**

4. Keseluruhan kawasan yang terbakar didapati **masih berasap (rujuk Lampiran 1 Gambarfoto 1 dan 2). Keluasan ladang yang masih terbakar adalah dianggarkan 11 hektar.** Pemerhatian yang dilakukan tidak menemui sebarang maklumat yang boleh mengaitkan kejadian kebakaran ladang kelapa sawit ini dilakukan bagi tujuan tanam semula mahupun kecuaiannya pekerja ladang.

5. Ketika siasatan dilakukan, operasi pemadaman sedang dijalankan oleh Pasukan Bomba dan Penyelamat Kerteh dan juga pekerja Ladang Kelapa Sawit FELCRA Darat Datok. Keluasan ladang yang telah dipadamkan adalah dianggarkan seluas 12 hektar.

6. Siasatan lanjut yang telah dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar Cawangan Kemaman, Terengganu mengenai faktor geografi kawasan berkenaan dan juga maklumat-maklumat daripada siasatan di lapangan adalah seperti berikut:-

#### 6.1 Semakan Portal GIS

Dari aspek guna tanah, kawasan yang terjejas diklasifikasikan sebagai kawasan kelapa sawit. Semakan yang dibuat melalui data di dalam portal GIS turut mendapati kawasan yang terjejas **tidak terletak dalam kawasan bertanah gambut (Rujuk Lampiran 1 rajah 2).** Dari aspek hidrologi, didapati **terdapat parit ladang** di sekitar kawasan terjejas .

#### 6.2 Siasatan pada 11 Mei 2016

(i) Siasatan mendapati kebakaran ladang adalah disebabkan oleh api yang merebak daripada belukar berhampiran. Tiada maklumat atau bukti yang menunjukkan bahawa kawasan yang terbakar adalah untuk tanam semula kelapa sawit ataupun atas sebab kecuaiannya pekerja ladang.

(ii) Ladang kelapa sawit ini mempunyai keluasan keseluruhan sebanyak 514 hektar dan usia pokok kelapa sawit adalah dalam lingkungan 6 tahun **(Rujuk Lampiran 1 Gambarfoto 3).**

- (iii) Kejadian kebakaran ladang kelapa sawit ini **berpotensi untuk merebak kerana keadaan angin yang agak kuat ketika ini dengan cuaca panas yang berterusan semenjak Januari 2016.**

## **TINDAKAN-TINDAKAN JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI TERENGGANU**

7. **Meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan** terhadap lokasi kawasan yang terlibat bagi memastikan tiada aktiviti pembakaran terbuka dilakukan oleh mana-mana individu seperti yang termaktub di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Perintah-Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Diisytiharkan) (Pembakaran Terbuka) 2003.

8. Memanggil pihak FELCRA, selaku pemilik Ladang Kelapa Sawit FELCRA Darat Datok untuk mendapatkan maklumat terperinci berkaitan kebakaran tersebut, serta mengambil rakaman percakapan.

-3

9. Mendapatkan maklumat yang berkaitan seperti milikan tanah, status tanah dan sebagainya dengan Pejabat Tanah Daerah Kemaman untuk tindakan pihak JAS selanjutnya.

10. Memanggil pegawai daripada Pasukan Bomba dan Penyelamat Kerteh yang terlibat untuk mendapatkan rakaman percakapan bagi memastikan maklumat yang diperolehi adalah tepat dan terperinci.

## **PENUTUP**


Adalah dipohon mengambil maklum mengenai hasil siasatan ke atas kejadian kebakaran Ladang Kelapa Sawit FELCRA Darat Datok, Kijal, Kemaman, Terengganu yang dikesan oleh bomba hasil aduan pekerja ladang kelapa sawit tersebut pada 6 Mei 2016.

Jabatan Alam Sekitar Cawangan Kemaman, Terengganu  
11 Mei 2016

LAMPIRAN 1



Rajah 1 : Menunjukkan Jarak antara lokasi kebakaran dengan penempatan/sekolah



Rajah 2 : Menunjukkan kawasan kebakaran tidak berada di dalam kawasan tanah gambut

LAMPIRAN 1



**Gambarfoto 1 dan 2 : Menunjukkan kawasan yang masih berasap**



**Gambarfoto 3 : Menunjukkan usia pokok kelapa sawit**

